



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2025**

MPP 3

PENDIDIKAN ISLAM

Nama :

Kelas :



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

[آل عمران : 137-139]

Ayat di atas menerangkan tentang konsep *sunnatullah* yang berlaku di muka bumi ini adalah dengan kehendak Allah SWT.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud *sunnatullah*. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kesan apabila kita memahami *sunnatullah* dalam kehidupan. [2 markah]

Antara konsep *sunnatullah* yang perlu difahami ialah sesuatu perkara itu terhasil berasaskan kepada usaha, sebab-musabab dan akibat.

- (iii) Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]
- (b) *Ibtida'* ialah memulakan bacaan al-Quran selepas wakaf.
 - (i) Nyatakan satu daripada jenis *ibtida'* dan hukum bacaannya. [2 markah]

1 (c)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:
 سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الإمام العادل، وشاب نشأ في عبادة ربه، ورجل
 قلبه معلق في المساجد، ورجلان تحابا في الله اجتمعا عليه وتفرقا عليه، ورجل طلبته امرأة
 ذات منصب وجمال، فقال: إني أخاف الله، ورجل صدق، أخفى حتى لا تعلم شماله ما تنفق
 يمينه، ورجل ذكر الله خاليا ففاضت عيناه.
 (متفق عليه)

Hadis di atas menjelaskan tentang tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan maksud kalimah bergaris. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara untuk menjadi seseorang yang hatinya mencintai masjid. [4 markah]



- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah amalan ini kian pudar diamalkan dalam kalangan masyarakat? [4 markah]

- 2 (a) Al-Muntaqim merupakan salah satu daripada nama Allah SWT yang indah.
- (i) Nyatakan maksud al-Muntaqim. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kefahaman mengenai nama Allah SWT bersifat al-Muntaqim. [4 markah]

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِّرَ بِآيَاتِ رَبِّهِ ثُمَّ أَعْرَضَ عَنْهَا إِنَّا مِنَ الْمُجْرِمِينَ مُنتَقِمُونَ

“Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang diberi ingatan dengan ayat-ayat Tuhan-Nya, kemudian ia berpaling daripadanya (dan tetap mengingkarinya) : sesungguhnya Kami tetap membalas orang yang berdosa”

[Surah al-Sajadah : ayat 22]

- (iii) Berdasarkan dalil al-Quran di atas, kaitkan dengan kesan keimanan terhadap nama Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]
- (b) Akidah Ahli Sunah Wal Jamaah dan ajaran sesat adalah dua perkara yang berbeza.
- (i) Nyatakan maksud Ahli Sunah Wal Jamaah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** prinsip akidah Ahli Sunah Wal Jamaah. [4 markah]

**Forum Akidah
Ahli Sunah Wal Jamaah**

**Antara sesat dan khurafat:
Apa yang perlu
kita tahu?**

**23 Februari 2023 Khamis ● 9 Pagi-1 Petang
Dewan Masjid Kg. Raja Uda
Pelabuhan Klang, Selangor**

Sumber : Instagram 14 Febuari 2023

- (iii) Berdasarkan iklan di atas, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku dalam masyarakat sekiranya isu ini tidak dibendung. [4 markah]



- 3 (a) Tahallul bermaksud membebaskan diri daripada larangan yang terdapat dalam ihram haji.

(i) Senaraikan **dua** jenis tahallul bagi jemaah haji. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** contoh larangan ihram haji dan umrah dari aspek alam sekitar. [2 markah]

Sebanyak 20 aduan tipu pakej umrah setiap tahun

KUALA LUMPUR - Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menerima lebih kurang 20 aduan setiap tahun berhubung penipuan pakej umrah yang melibatkan kerugian lebih RM1 juta sejak 10 tahun lalu. Menurut Ketua Aktivisnya, Datuk Nadzim Johari, (gambar) setiap kes penipuan tersebut melibatkan lebih kurang 60 hingga 100 orang mangsa dan harus dibanteras sepenuhnya agar tidak menganiaya mereka yang ingin menunaikan ibadah di tanah suci.

Sumber ubahsuai : Kosmo 18 Disember 2017

(iii) Pada pandangan anda, mengapakah situasi di atas berlaku setiap tahun? [2 markah]

(iv) Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya perbuatan ini berleluasa di Malaysia. [4 markah]

- (b) Jenayah adalah kesalahan yang dinyatakan hukumannya dalam al-Quran, al-Sunah dan sebahagiannya daripada mahkamah.

(i) Jelaskan **dua** jenis hukuman bagi kesalahan mencuri? [2 markah]

(ii) Terangkan hikmah hukuman jenayah dalam Islam? [2 markah]

- (c) Islam agama syumul yang mengatur seluruh kehidupan manusia termasuk dalam isu hadanah dan anak angkat.

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan hadanah? [2 markah]

Encik Ahmad mempunyai seorang anak angkat bernama Lukman. Oleh kerana beliau tidak mempunyai anak kandung, beliau sangat sayangkan Lukman dan telah mewasiatkan seluruh hartanya kepada Lukman.

(ii) Huraikan pandangan anda berdasarkan situasi di atas. [4 markah]

4 (a) Penubuhan kerajaan Abbasiyah ialah sempena nama bapa saudara Rasulullah SAW iaitu Al Abbas bin Abdul Mutalib.

(i) Nyatakan bilangan khalifah dan pusat pemerintahan kerajaan Abbasiyah. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan Abu Al Abbas Abdullah bin Muhammad Ali As Safah. [4 markah]

(b) Kerajaan Uthmaniyah mengalami kejatuhan setelah bertahan selama lebih enam kurun.

(i) Jelaskan faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyah selain aspek ekonomi. [2 markah]

Kemerosotan ekonomi dan beban hutang negara yang tinggi.

(ii) Bagaimanakah anda sebagai seorang pemimpin boleh mengambil iktibar daripada pernyataan di atas? [4 markah]

(c) Profesor Dr. Ahmad bin Ibrahim merupakan tokoh ilmuan Islam yang terkenal di Malaysia.

(i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Profesor Dr. Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]


(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam bidang kehakiman. [2 markah]

Profesor Dr. Ahmad bin Ibrahim telah berjaya menghasilkan buku-buku berkaitan dengan undang-undang di Malaysia :

- i. Sistem Undang-undang Malaysia
- ii. Islamic Law in Malaysia.

(iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mampu meraih kecemerlangan dalam pembelajaran sebagaimana Profesor Dr. Ahmad bin Ibrahim? [4 markah]

- 5 (a) Menggembirakan pesakit dan menyantuni orang kurang upaya amat digalakkan dalam Islam.
- (i) Nyatakan maksud orang kurang upaya. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** adab terhadap orang kurang upaya dari segi emosi. [2 markah]
 - (iii) Terangkan hikmah beradab terhadap orang kurang upaya. [2 markah]



- (iv) Berdasarkan gambar di atas, huraikan pendapat anda bagaimana situasi ini boleh diatasi. [4 markah]
- (b) Ujub, riyak, hasad dan takbur merupakan sifat mazmumah yang perlu dihindari.
- (i) Apakah maksud ujub? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** contoh sifat ujub. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan cara meninggalkan sifat mazmumah. [2 markah]

Pepatah Melayu ada mengatakan :
"Seperti burung merak, megah dengan bulunya."

- (iv) Sejauhmanakah sifat ini boleh menjejaskan hubungan seseorang dengan orang lain? Huraikan. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT